



KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN SEBAGAI YANG DIPERTUA MPS BAHARU

Tuan Shahman bin Jalaludin telah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang yang baharu berkuatkuasa pada 4 Jun 2024. Pelantikan beliau ini adalah bagi menggantikan Yang Berbahagia Dato' Mohd Yazid bin Sairi yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) yang baharu pada 1 Mac 2024 yang lalu.

Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan telah diadakan di hadapan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang; ahli-ahli majlis dan pengarah-pengarah jabatan di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS pada Rabu, 5 Jun 2024.

Tuan Shahman merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik berkelulusan Sarjana Sains Sosial – Analisa Strategi dan Keselamatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta memiliki Ijazah Sains Komputer (Rangkaian) dan Diploma Sains Komputer.

Tuan Shahman yang telah menyertai perkhidmatan awam sejak tahun 2003 mempunyai pengalaman luas dan pernah bertugas di beberapa kementerian dan agensi kerajaan, antaranya sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) pada tahun 2021 dan Pegawai Daerah Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada tahun 2022 hingga 3 Jun 2024.

Seluruh warga MPS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Shahman bin Jalaludin dan berharap dengan pengalaman beliau miliki dapat membantu MPS menjadi sebuah PBT yang cemerlang di Negeri Selangor.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh :

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh dikeluarkan : 5 Jun 2024



BIODATA TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN

Nama : Shahman bin Jalaludin
Umur : 45 Tahun
Pendidikan :
i. Diploma Sains Komputer
ii. Ijazah Sains Komputer (Rangkaian)
iii. Sarjana Sains Sosial - Analisis Strategi dan Keselamatan

Sejarah Perkhidmatan Tuan Shahman bin Jalaludin :

- 1) 7 Julai 2003 : Penolong Pengarah, (PTD M41)
Jabatan Penjara Malaysia,
Kementerian Dalam Negeri
- 2) 1 September 2004 : Penolong Setiausaha, (PTD M41)
Bahagian Penyelidikan dan Perancang,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- 3) 16 Oktober 2004 : Penolong Setiausaha, (PTD M41)
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
- 4) 1 Disember 2006 : Penolong Setiausaha, (PTD M44)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
- 5) 1 Januari 2008 : Ketua Penolong Setiausaha, (PTD M48)
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
- 6) 1 Februari 2010 : Ketua Penolong Pengarah, (PTD M48)
Jabatan Perkhidmatan Awam
- 7) 4 April 2011 : Ketua Penolong Pengarah, (PTD M48)
Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa,
Jabatan Perdana Menteri
- 8) 20 September 2016 : Ketua Penolong Setiausaha, (PTD M52)
Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan
- 9) 9 Julai 2018 : Ketua Pen. Setiausaha, (PTD M52)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 10) 6 Disember 2021 : Timbalan Pengarah Pengurusan, (PTD M54)
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
- 11) 11 April 2022 - 3 Jun 2024 : Pegawai Daerah Klang, (PTD M54)
Pejabat Daerah dan Tanah Klang

Pingat/Bintang : Bintang Kesatria Setia Diraja (K.S.D) pada 2 Jun 2012 - YDPA ke14